

## **BANK DATA PRIVACY POLICY FOR SCHOLARSHIP APPLICANTS**

This Policy describes how GX Bank Berhad (collectively “**the Bank**”, “**we**”, “**us**” or “**our**”) may collect, use, process and disclose the Personal Data of any Scholarship Applicant that is in our possession or under our control (collectively “**you**”, “**your**” or “**yours**”).

“**Personal Data**” is any information that relates to an identifiable individual.

“**Scholarship Applicant**” refers to any person who submits or wishes to submit an application for scholarship with us.

### **WHAT PERSONAL DATA WE COLLECT**

We may collect Personal Data:

- a. that you knowingly and voluntarily provide in the course of your scholarship application with us;
- b. where the collection, use or disclosure of such Personal Data without consent is permitted or required by any applicable laws.

Some of the Personal Data that we collect may be sensitive in nature. We collect this information only with your consent and/or in strict compliance with applicable laws.

Some examples of Personal Data that we may collect include:

- name or alias and demographic information obtained during the application and recruitment process such as gender, ethnicity, date of birth, nationality, country and city of birth;
- national ID and passport number;
- mailing address, telephone numbers, email address and other contact details;
- your resume or CV, cover letter, previous or relevant extracurricular activities, education, transcripts, or other information you provide to us in support of your application, or the application and recruitment process;
- reference information and information received from background checks (where applicable), including information provided by third parties;
- information relating to any previous applications you may have made to the Bank;
- information about your educational and professional background from publicly available sources, including online, that we believe is relevant to your application or a potential future application;
- information from any interview screenings you may have undergone, and related to any assessment you may take as part of the interview screening process;
- financial information of your parents or guardians;
- medical and health information; and
- photographs, videos and other audio-visual recordings (if any).

Where you provide the Personal Data of other individuals (such as referees, emergency contacts, income statement of your parents or guardians) to us, it is your responsibility to notify them of the relevant purposes and our processing of their information, and obtain their consent before making such disclosure.

Depending on the purposes of the processing activity, we may rely on the following legal bases for the collection, use or disclosure of your Personal Data under the applicable laws:

- necessary to enter into, manage or terminate the scholar relationship with you;
- necessary for the legitimate interests pursued by the Bank or by a third party, except where such interests are overridden by your interests or fundamental rights and freedoms which require protection of Personal Data;
- necessary to fulfill the rights and obligations under applicable laws; or
- based on your consent.

### **WHAT WE USE PERSONAL DATA FOR**

We collect Personal Data from you and use such Personal Data for the purposes of the Bank's recruitment process. These include:

- processing your scholarship application and assessing your skills, qualifications and interests against our scholarship opportunities;
- contacting you in respect of your application;
- verifying your identity and the accuracy of information provided;
- validating the references provided and conducting background checks and security clearances;
- allowing us to better understand, analyse and improve our processes; and
- promotional activities conducted by GXBank, including but not limited to any form of advertising or publicity media and materials such as audio and/ or visual recordings published through newspapers, television networks, radio stations or online and digital media and on the Internet. Promotion activities include without limitation the use and/ or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interviews material as well responses and related photographs. In this regard, you agree to cooperate and participate in publicity activities of GXBank in relation to the scholarship.

Certain purposes may continue to apply even when your application is not successful, for a reasonable period thereafter.

The Personal Data that we collect for the purposes of the application process may continue to be used and disclosed, along with any additional Personal Data that we may collect, for the purposes of entering into, managing or terminating our scholarship relationship with you.

It is important to note that, in certain circumstances, you may need to provide your Personal Data in order to comply with legal requirements or where it is necessary to conclude a contract. Failure to provide Personal Data, under such circumstances, may constitute failure to comply with legal requirements or contractual obligations, or the inability to conclude a contract with you, as the case may be.

### **WHO WE DISCLOSE PERSONAL DATA TO**

In order to achieve these purposes, we may disclose the personal data collected from you to:

- different units or departments within the Bank
- our affiliates, subsidiaries, partners or joint ventures in the various countries and jurisdictions in which the Bank may operate, in relation to the purposes described above;
- academic institutions (universities, colleges etc.), previous employers and referees in the process of validating the information you have provided and conducting reference checks; and
- Authorised representatives, the Bank-appointed recruitment agencies or third party service providers.

In order to comply with applicable legal or regulatory obligations or requests, the Bank may also be required to disclose your Personal Data to third parties such as the authorities, courts, tribunals, regulatory bodies, legal advisors and law enforcement agencies.

## **OVERSEAS TRANSFERS OF PERSONAL DATA**

In the course of our collection, use and disclosure of your personal data for the purposes, we may from time to time transfer the personal data outside Malaysia.

When transferring Personal Data outside Malaysia, we will ensure that the Personal Data is accorded a standard of protection that is comparable to the protection provided under the Personal Data Protection Act and applicable regulations.

## **PROTECTION OF PERSONAL DATA**

We will take reasonable legal, organisational and technical measures to ensure that your Personal Data is protected. This includes measures to prevent Personal Data from unauthorised access, collection, use, disclosure, copying, modification, disposal or similar risks. We limit access to your Personal Data to our employees and any third parties on a need-to-know basis. Our employees who have access to your Personal Data and are processing your Personal Data will only do so where authorised and are required to treat your Personal Data as confidential.

Please note that we cannot guarantee the security of your Personal Data transmitted through any online means, and such transmission is at your own risk. Once we have received your personal data, we will use strict technical and organisational measures to protect your Personal Data.

## **ACCURACY OF PERSONAL DATA**

We generally rely on the Personal Data provided by you. You should ensure all personal data that you provide us is true, accurate and complete, and inform us of any changes to the personal data provided.

We will take reasonable steps to ensure the accuracy and completeness of your personal data when it is likely to be used to make a decision that affects you or disclosed to another organisation.

## **RETENTION OF PERSONAL DATA**

We retain Personal Data for the period necessary to fulfil the purposes outlined in this Policy and consistent with such retention periods prescribed under applicable laws and our internal policies.

We will cease to retain your Personal Data, any documents containing your Personal Data and remove the means by which your Personal Data can be associated with any particular individual as soon as we are able to reasonably assume that the purposes for which your Personal Data was collected is no longer being served by retention of your Personal Data, and we no longer have a legal or business purpose for retaining it. Under such circumstances, we will take steps to erase, destroy or anonymise your Personal Data.

## **YOUR RIGHTS WITH RESPECT TO YOUR PERSONAL DATA**

In accordance with applicable laws and regulations, you are entitled to:

- a. ask us what Personal Data we have of you, including to be provided with a copy of your Personal Data, and how your Personal Data has been used or disclosed in the last one (1) year;
- b. request the correction of your Personal Data; and
- c. withdraw your consent to the processing of your Personal Data for any purpose, where we are processing your Personal Data based on your consent.

Where you are given the option to provide your Personal Data to us and/or consent to the use of

your Personal Data for a purpose, you can always choose not to do so. If you have provided your consent to process your Personal Data for a purpose and you later choose to withdraw your consent, we will respect that choice in accordance with our legal obligations.

However, choosing not to provide your Personal Data or withdrawing your consent to a purpose could mean that we are unable to perform the actions necessary to achieve the purposes described in the section on “What We Use Personal Data For”. After you choose to withdraw your consent, notwithstanding, we may continue to process your Personal Data to the extent required or otherwise permitted by applicable laws and regulations.

If you wish to make a request to exercise your rights, you can contact us through our Data Privacy Officer set out in the section on “How to Contact Us” below.

We will assess the veracity of all requests. In doing so, we may require you to provide supporting information or documentation to corroborate the request. Once verified, we will respond to your request as soon as reasonably possible, within 21 days of receiving your request.

We may decline your request if the law permits us to do so and in accordance with our internal policies on access and correction of Personal Data. For instance, we may decline requests for access to and/or correction of opinion data kept solely for an evaluative purpose.

## **AMENDMENTS AND UPDATES**

This Policy applies in conjunction with any other policies, notices, contractual clauses and consent clauses that apply in relation to the collection, use and disclosure of your Personal Data by us. We may process your Personal Data for a new or different purpose only if we have a legitimate basis for doing so, with your consent or in accordance with applicable laws.

We may revise this Policy from time to time without any prior notice. Such amendments shall be notified to you through website/ App and/or other appropriate means. You may determine if any revision has taken place by referring to the date on which this Policy was last updated.

## **HOW TO CONTACT US**

If you have any queries about this Policy or would like to exercise your rights as set out in this Policy, please visit [gxb.biasiswa@gxbank.my](mailto:gxb.biasiswa@gxbank.my).

## DASAR PRIVASI DATA BANK UNTUK PEMOHON BIASISWA

Dasar ini menerangkan bagaimana GX Bank Berhad (secara kolektif "**Bank**", atau "**kami**") boleh mengumpul, menggunakan, memproses dan menzahirkan Data Peribadi mana-mana Pemohon Biasiswa yang berada dalam milikan kami atau di bawah kawalan kami (secara kolektif "**anda**", atau "**kepunyaan anda**").

"**Data Peribadi**" ialah apa-apa maklumat yang berhubungan dengan seorang individu yang boleh dikenal pasti.

"**Pemohon Biasiswa**" merujuk kepada mana-mana orang yang mengemukakan atau ingin mengemukakan suatu permohonan biasiswa kepada kami.

### DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPUL

Kami boleh mengumpul Data Peribadi:

- a. yang anda berikan secara sedar dan sukarela dalam perjalanan permohonan biasiswa anda dengan kami;
- b. di mana pengumpulan, penggunaan atau penzahiran Data Peribadi tersebut tanpa persetujuan adalah dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang terpakai.

Sesetengah Data Peribadi yang kami kumpul mungkin bersifat sensitif. Kami mengumpul maklumat ini hanya dengan persetujuan anda dan/atau dengan pematuhan ketat undang-undang terpakai.

Beberapa contoh Data Peribadi yang boleh kami kumpul termasuk:

- nama atau alias dan maklumat demografik yang diperoleh semasa proses permohonan dan perekrutan, seperti jantina, kaum, tarikh lahir, kerakyatan, negara dan bandar tempat lahir;
- nombor pengenalan dan nombor pasport;
- alamat surat-menyurat, nombor telefon, alamat e-mel dan butiran hubungan yang lain;
- resume atau kurikulum vitae anda, surat iringan, aktiviti ekstrakurikulum terdahulu atau yang berkaitan, pendidikan, transkrip, atau maklumat lain yang anda berikan kepada kami untuk menyokong permohonan anda, atau proses permohonan dan perekrutan;
- maklumat rujukan dan maklumat yang diperoleh daripada pemeriksaan latar belakang (di mana terpakai), termasuk maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga;
- maklumat yang berhubungan dengan mana-mana permohonan terdahulu yang mungkin telah anda buat kepada Bank;
- maklumat tentang latar belakang pendidikan dan profesional anda daripada sumber yang tersedia secara umum, termasuk dalam talian, yang kami percaya adalah berkaitan dengan permohonan anda atau permohonan yang mungkin dibuat pada masa hadapan;
- maklumat daripada mana-mana saringan temuduga yang telah anda jalani, dan berhubung dengan mana-mana penilaian yang anda lalui sebagai sebahagian daripada proses saringan temuduga;
- maklumat kewangan ibu bapa atau penjaga anda;

- maklumat perubatan dan kesihatan; dan
- gambar foto, video dan rakaman audio visual yang lain (jika ada).

Di mana anda memberikan Data Peribadi individu lain (seperti perujuk, kontak kecemasan, penyata pendapatan ibu bapa atau penjaga anda) kepada kami, anda bertanggungjawab untuk memberitahu mereka tentang tujuan-tujuan yang berkaitan dan pemprosesan maklumat mereka oleh kami, serta mendapatkan persetujuan mereka sebelum anda membuat penzahiran itu.

Bergantung pada tujuan-tujuan aktiviti pemprosesan, kami boleh bergantung pada asas undang-undang berikut untuk pengumpulan, penggunaan atau penzahiran Data Peribadi anda di bawah undang-undang terpakai yang:

- perlu bagi memasuki, mengurus atau menamatkan hubungan biasiswa dengan anda;
- perlu bagi kepentingan sah yang diusahakan oleh Bank atau oleh pihak ketiga, kecuali jika kepentingan itu diatasi oleh kepentingan anda atau hak dan kebebasan asasi yang memerlukan perlindungan Data Peribadi;
- perlu bagi memenuhi hak dan kewajipan di bawah undang-undang terpakai; atau
- berdasarkan persetujuan anda.

### **TUJUAN KAMI MENGGUNAKAN DATA PERIBADI**

Kami mengumpul Data Peribadi daripada anda dan menggunakan Data Peribadi tersebut untuk tujuan-tujuan proses perekrutan oleh Bank. Ini termasuk untuk tujuan:

- memproses permohonan biasiswa anda dan menilai kemahiran, kelayakan dan minat anda berbanding dengan peluang biasiswa yang kami berikan;
- menghubungi anda berkenaan dengan permohonan anda;
- mengesahkan identiti anda dan ketepatan maklumat yang diberikan;
- mengesahkan rujukan yang diberi dan menjalankan pemeriksaan latar belakang dan pelepasan keselamatan;
- membolehkan kami memahami dan menganalisis dengan lebih baik serta menambah baik proses kami; dan
- aktiviti promosi yang dijalankan oleh GXBank, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa bentuk pengiklanan atau media publisiti dan material seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui suratkhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian, and dalam Internet. Aktiviti promosi termasuk, tanpa had, penggunaan dan/atau penerbitan mana-mana butiran yang diberikan dalam dan/atau berhubungan dengan entri, bahan temuduga serta maklum balas dan gambar foto yang berkaitan. Dalam hal ini, anda bersetuju untuk memberi kerjasama dan mengambil bahagian dalam aktiviti publisiti GXBank yang berkaitan dengan biasiswa.

Tujuan-tujuan tertentu boleh terus terpakai walaupun permohonan anda tidak berjaya, untuk suatu tempoh masa yang munasabah selepas itu.

Data Peribadi yang kami kumpul untuk tujuan proses permohonan boleh terus digunakan dan dizahirkan, bersama dengan mana-mana Data Peribadi tambahan yang boleh kami kumpul, bagi tujuan memulakan, menguruskan atau menamatkan hubungan biasiswa anda dengan kami.

Penting untuk mengambil maklum bahawa, dalam hal keadaan tertentu, anda mungkin perlu memberikan Data Peribadi anda bagi mematuhi kehendak undang-undang, atau di mana ia diperlukan untuk mengikat sebuah kontrak. Kegagalan untuk memberikan Data Peribadi, di

bawah hal keadaan seperti itu, boleh dianggap sebagai kegagalan untuk mematuhi kehendak undang-undang atau kewajipan kontraktual, atau menyebabkan kami tidak dapat mengikat kontrak dengan anda, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### **KEPADA SIAPA KAMI MENZAHIRKAN DATA PERIBADI**

Bagi mencapai tujuan-tujuan ini, kami boleh menzahirkan data peribadi yang dikumpul daripada anda kepada:

- unit atau jabatan yang berbeza dalam Bank
- syarikat sekutu, subsidiari, rakan kongsi atau usaha sama kami di pelbagai negara dan bidang kuasa di mana Bank boleh beroperasi, berhubung dengan tujuan-tujuan yang diterangkan di atas;
- institusi akademik (universiti, kolej dan lain-lain), majikan terdahulu dan perujuk dalam proses mengesahkan maklumat yang anda berikan dan menjalankan pemeriksaan rujukan; dan
- Wakil Yang Diberi Kuasa, agensi perekrutan yang dilantik oleh Bank atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

Bagi mematuhi kewajipan atau permintaan undang-undang atau kawal selia yang terpakai, Bank mungkin juga dikehendaki untuk menzahirkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga seperti pihak berkuasa, mahkamah, tribunal, badan kawal selia, penasihat undang-undang dan agensi penguatkuasaan undang-undang.

### **PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR NEGARA**

Dalam perjalanan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran data peribadi anda oleh kami untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan, kami boleh, dari masa ke masa, memindahkan data peribadi tersebut ke luar Malaysia.

Apabila memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia, kami akan memastikan bahawa Data Peribadi itu diberikan standard perlindungan yang sebanding dengan perlindungan yang diberikan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi dan peraturan-peraturan terpakai.

### **PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Kami akan mengambil langkah undang-undang, organisasi dan teknikal yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda dilindungi. Ini termasuk langkah-langkah untuk menghalang Data Peribadi daripada risiko akses, pengumpulan, penggunaan, penzahiran, salinan, ubah suaian, dan pelupusan yang dibuat tanpa kebenaran, atau risiko yang serupa. Kami mengehadkan akses terhadap Data Peribadi anda oleh pekerja kami dan mana-mana pihak ketiga atas dasar keperluan untuk tahu. Pekerja kami yang mempunyai akses kepada Data Peribadi anda dan yang memproses Data Peribadi anda hanya akan berbuat demikian apabila dibenarkan dan mereka dikehendaki untuk mengendalikan Data Peribadi anda sebagai sulit.

Sila ambil maklum bahawa kami tidak dapat menjamin keselamatan Data Peribadi anda yang dihantar melalui mana-mana cara dalam talian, dan anda menanggung sendiri risiko hantaran seperti itu. Setelah kami menerima data peribadi anda, kami akan menggunakan langkah-langkah teknikal dan organisasi yang tegas untuk melindungi Data Peribadi anda.

## **KETEPATAN DATA PERIBADI**

Secara umumnya, kami bergantung pada Data Peribadi yang diberikan oleh anda. Anda hendaklah memastikan semua data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah benar, tepat dan lengkap, dan hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat apa-apa perubahan kepada data peribadi yang diberikan.

Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda adalah tepat dan lengkap apabila ia mungkin akan digunakan untuk membuat suatu keputusan yang memberi kesan kepada anda atau yang dizahirkan kepada organisasi lain.

## **PENYIMPANAN DATA PERIBADI**

Kami menyimpan Data Peribadi selama tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan-tujuan yang digariskan dalam Dasar ini dan konsisten dengan tempoh penyimpanan yang diperuntukkan di bawah undang-undang terpakai serta dasar-dasar dalaman kami.

Kami akan berhenti menyimpan Data Peribadi anda, apa-apa dokumen yang mengandungi Data Peribadi anda dan menyingkirkan cara-cara bagaimana Data Peribadi anda boleh dikaitkan dengan mana-mana individu tertentu sebaik sahaja kami dapat membuat andaian yang munasabah bahawa tujuan-tujuan Data Peribadi anda dikumpul tidak lagi dicapai dengan penyimpanan Data Peribadi anda, dan kami tidak lagi mempunyai tujuan undang-undang atau tujuan perniagaan untuk menyimpannya. Di bawah hal keadaan sebegini, kami akan mengambil langkah untuk memadamkan, memusnahkan atau menyahnamakan Data Peribadi anda.

## **HAK ANDA BERKENAAN DENGAN DATA PERIBADI ANDA**

Mengikut undang-undang dan peraturan terpakai, anda berhak untuk:

- a. bertanya kepada kami tentang Data Peribadi yang kami ada tentang anda, termasuk untuk diberikan satu salinan Data Peribadi anda, dan bagaimana Data Peribadi anda telah digunakan atau dizahirkan dalam tempoh satu (1) tahun sebelumnya;
- b. meminta pembetulan Data Peribadi anda; dan
- c. menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda untuk mana-mana tujuan, jika kami memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda.

Di mana anda diberi pilihan untuk memberi Data Peribadi anda kepada kami dan/atau memberi persetujuan terhadap penggunaan Data Peribadi anda untuk suatu tujuan, anda sentiasa boleh memilih untuk tidak berbuat demikian. Jika anda telah memberikan persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda untuk suatu tujuan, dan anda kemudian memilih untuk menarik balik persetujuan anda, kami akan menghormati pilihan itu mengikut kewajipan kami di bawah undang-undang.

Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi anda atau menarik balik persetujuan anda terhadap suatu tujuan, ini boleh bermaksud bahawa kami tidak akan dapat mengambil tindakan yang perlu bagi mencapai tujuan-tujuan yang diterangkan dalam bahagian "Tujuan Kami Menggunakan Data Peribadi". Selepas anda memilih untuk menarik balik persetujuan anda, walau apa pun, kami boleh terus memproses Data Peribadi anda sehingga takat yang dikehendaki atau setakat yang selainnya dibenarkan oleh undang-



undang dan peraturan terpakai.

Jika anda ingin membuat suatu permintaan untuk melaksanakan hak anda, anda boleh menghubungi kami melalui Pegawai Privasi Data kami seperti yang dinyatakan dalam bahagian “Bagaimana untuk Menghubungi Kami” di bawah.

Kami akan menilai kesahihan semua permintaan. Apabila berbuat demikian, kami boleh meminta anda untuk memberikan maklumat atau dokumentasi sokongan bagi menyokong permintaan itu. Setelah ditentukan, kami akan memberi maklum balas terhadap permintaan anda dengan secepat mungkin dalam jangka masa yang munasabah, dalam tempoh 21 hari setelah menerima permintaan anda.

Kami boleh menolak permintaan anda jika undang-undang membenarkan kami untuk berbuat demikian dan mengikut dasar dalaman kami tentang akses dan pembetulan Data Peribadi. Contohnya, kami boleh menolak permintaan untuk mengakses dan/atau membetulkan data pendapat yang disimpan semata-mata untuk suatu tujuan penilaian.

### **PINDAAN DAN PENGEMASKINIAN**

Dasar ini terpakai bersama dengan mana-mana dasar, notis, klausa kontraktual dan klausa persetujuan lain yang terpakai berhubung dengan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran Data Peribadi anda oleh kami. Kami boleh memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang baharu atau tujuan yang berlainan hanya sekiranya kami mempunyai asas yang sah untuk berbuat demikian, dengan persetujuan anda, atau mengikut undang-undang terpakai.

Kami boleh menyemak Dasar ini dari masa ke masa tanpa memberikan apa-apa notis terdahulu. Pindaan akan diberitahu kepada anda melalui laman sesawang/Aplikasi dan/atau cara lain yang bersesuaian. Anda boleh menentukan sama ada apa-apa penyemakan telah dilakukan dengan merujuk kepada tarikh terakhir Dasar ini dikemas kini.

### **BAGAIMANA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI**

Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan tentang Dasar ini atau ingin melaksanakan hak anda seperti yang dinyatakan dalam Dasar ini, sila kunjungi [gxb.biasiswa@gxbank.my](mailto:gxb.biasiswa@gxbank.my).